

02/04/2015 - Majlis Perjumpaan Bersama Warga Jabatan Perangkaan Malaysia

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Hasan,
Ketua Perangkawan Malaysia;

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengarah-Pengarah Negeri;

Tuan-tuan dan Puan-puan warga Jabatan Perangkaan Malaysia yang dihormati
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kasih sayang rahmatNya, saya dapat bersama-sama dengan saudara saudari warga Jabatan Perangkaan Malaysia dalam majlis ini.
2. Majlis ini merupakan perjumpaan pertama saya sebagai Ketua Setiausaha Negara bersama warga Jabatan Perangkaan Malaysia. Walau bagaimanapun, pengalaman bertugas di Unit Perancang Ekonomi yang mempunyai hubungan akrab dengan Jabatan Perangkaan sedikit sebanyak membolehkan saya memahami tugas di Jabatan ini. Semasa pelaksanaan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2002 dijalankan, saya yang ketika itu bertugas di Seksyen Pengagihan telah turut serta membuat pemantauan kerja lapangan di Lahad Datu, Semporna

dan Tawau. Saya sendiri merasai pengalaman mendapatkan maklumat pendapatan di tiga daerah tersebut.

PROGRAM TURUN PADANG

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Lawatan pada hari ni merupakan manifestasi program turun padang di bawah konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam**. Program sebegini merupakan platform terbaik untuk saya mendapatkan maklum balas, pandangan dan komen berhubung isu yang berkaitan dengan perkhidmatan awam, program-program kerajaan dan juga berkaitan Jabatan Perangkaan sendiri. Ia juga merupakan satu peluang untuk tuan-tuan dan puan-puan mendapatkan informasi secara terus berkenaan dasar-dasar atau program-program yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Saya amat berharap program turun padang sebegini terus dipupuk di kalangan penjawat awam bagi memastikan kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

4. Sebagai penjana statistik utama negara, Jabatan Perangkaan Malaysia menggalas tanggungjawab yang amat signifikan dalam mengeluarkan data yang berintegriti, *reliable* dan bertepatan masa. Dengan kekuatan anggota seramai 3,116 orang yang mana 370 orang terdiri daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional, Jabatan Perangkaan telah memberikan **komitmen yang konsisten** dalam memenuhi keperluan pengguna, terutamanya sebagai rujukan kepada kerajaan dalam membuat keputusan yang bersandarkan kepada fakta yang tepat (*evidence-based*) bagi perancangan, pembentukan dasar dan pemantauan ekonomi negara.

5. Dari segi struktur organisasi Jabatan, saya telah dimaklumkan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia mempunyai sebanyak 14 Pejabat Negeri dan 28 Pejabat Operasi di seluruh Malaysia. Berdasarkan kepada bilangan ini, Jabatan sudah pastinya menghadapi cabaran dalam melaksanakan strategi dan

mekanisme pemantauan yang efisien terhadap prestasi dan produktiviti semua Pejabat Negeri dan Operasi.

6. Sehubungan itu, di peringkat Jabatan Perangkaan, saya amat teruja kerana Ketua Perangkawan kita telah melaksanakan program turun padang ke Pejabat Negeri dan juga Pejabat Operasi secara berperingkat sejak tahun 2012. Dengan mengadakan sesi lawatan seumpama ini, saya pasti beliau berpeluang melihat sendiri keadaan pejabat Negeri dan Pejabat Operasi dan mendengar sendiri permasalahan anggota di peringkat akar umbi. Saya amat berharap program turun padang akan diteruskan bukan sahaja oleh Ketua Perangkawan, malah oleh pegawai-pegawai pengurusan tertinggi Jabatan Perangkaan yang lain.

TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Selaras dengan Pelaksanaan Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam, saya difahamkan bahawa Jabatan Perangkaan juga sedang menyediakan **Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020** bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan perangkaan kekal relevan dengan perkembangan semasa dan memenuhi ekspektasi pelanggan. Jabatan Perangkaan perlulah **sentiasa peka dan bersedia** dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia yang semakin terbuka. Oleh itu, Pelan Transformasi tersebut mestilah mengambil kira lima teras strategik Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam iaitu: Mendaya upaya, Merekayasa organisasi, Merakyatkan penyampaian perkhidmatan, Merangkum dan sepunya; dan Mempunyai petunjuk prestasi utama (KPI) bagi tujuan pemantauan pelaksanaan.

8. Bagi memastikan Pelan Transformasi yang direncana mengikut landasannya, warga Jabatan Perangkaan perlu memainkan peranan yang lebih aktif. Selain perlu memiliki daya inovasi dan kreativiti yang tinggi, warga Jabatan

mesti bersikap profesional dan responsif dalam menyediakan perkhidmatan, memastikan maklumat yang dikeluarkan berintegriti, bertepatan masa dan boleh dicapai dengan segera . Saya juga amat berharap warga Jabatan Perangkaan mampu memahami perkara yang berlaku di persekitaran dan bertindak segera dalam mengatasi sebarang permasalahan ataupun isu semasa yang berkaitan.

BUDAYA KREATIVITI DAN INOVASI

9. Di kesempatan ini juga, saya ingin menekankan tentang budaya kreativiti dan inovasi di kalangan penjawat awam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah memperkenalkan tiga prinsip untuk menjadi pekerja yang berinovasi semasa Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan iaitu:

- Budaya kreativiti dan inovasi, untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan yang bersifat lonjakan berganda;
- Nilai tambah dan kompetensi, yang mana amalan kerja biasa digantikan dengan amalan kerja yang luar biasa; dan
- Permuafakatan Kerja, iaitu tidak bekerja secara silo.

10. Dalam hal ini, warga Jabatan Perangkaan mesti mempunyai pemikiran berbentuk kreatif dan inovatif, lebih proaktif dan bersikap positif, di samping mempunyai peribadi yang mulia dan nilai yang unggul. Warga Jabatan Perangkaan juga mesti mengenalpasti dan mengkaji kaedah-kaedah yang lebih efektif dan moden untuk mendapatkan respon daripada responden.

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

11. Ke arah membudayakan kreativiti dan inovasi, saya amat gembira melihat Jabatan Perangkaan menggunakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam melaksanakan inisiatif untuk memperkaya sumber data. Selain

menjadi pembekal data primer kepada negara, Jabatan telah mengadakan **hubungan kerjasama (MOU) dengan agensi pembekal data yang lain** untuk mendapatkan data sekunder. Inisiatif ini telah membolehkan Jabatan mengurangkan kos pungumpulan data dan pada masa yang sama, mempelbagaikan lagi sumber data Jabatan. Di antara agensi yang terlibat dalam kolaborasi ini adalah Bank Negara Malaysia yang membekalkan Statistik Kewangan, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia bagi data Perdagangan Luar Negeri dan juga Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi maklumat pendaftaran syarikat.

12. Sebagai langkah untuk meningkatkan komunikasi statistik, saya ingin menyarankan agar Jabatan Perangkaan terus **mempergiatkan sesi engagement** dengan pelbagai pihak iaitu responden yang membekalkan data, *stakeholder* yang menggunakan data, dan juga media yang menyebarkan data kepada orang awam. Hubungan kerjasama dengan IPTA dan IPTS bagi perkongsian data dan ilmu statistik merupakan satu langkah kreatif yang sangat wajar diteruskan. Ramai ahli akademik dan pelajar institusi pengajian tinggi di luar sana yang sangat memerlukan *live data* seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan dalam pengajaran dan pengajian mereka. Pihak media juga perlulah dimaklumkan dari semasa ke semasa tentang produk dan perkhidmatan yang boleh diberikan.

13. Dalam persediaan kerajaan melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang telah bermula pada 1 April 2015, saya difahamkan bahawa Jabatan Perangkaan telah turut membantu pihak Kastam khususnya dalam proses pendaftaran GST, iaitu dari segi penentuan jenis industri syarikat yang mendaftar. Kerjasama seumpama ini secara tidak langsung juga telah memberi manfaat kepada Jabatan dalam aspek pengukuhan dan pemantapan *business register* Jabatan.

TADBIR URUS YANG BAIK

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Malaysia memerlukan lebih ramai pakar untuk pengurusan data sempurna dan sistematik. Setakat ini, Malaysia hanya mempunyai lebih kurang 1,000 sahaja *Data Professionals* atah *Data Scientist* sedangkan negara memerlukan lebih kurang 6,000-8,000. Dengan wujudnya bidang baru yang semakin mendapat perhatian dunia statistik antarabangsa seperti *Data Science*, iaitu peluasan dan gabungan bidang statistik dan teknologi maklumat dan merupakan sebuah bidang yang memerlukan *versatile skill-set*, Jabatan perlu melihat ia sebagai satu cabaran untuk melahirkan warga Jabatan yang boleh menguasai bidang ini, khususnya dalam mendepani dan menangani ledakan "Big Data" yang kini menjadi fokus utama perbincangan di peringkat antarabangsa.

15. Pemodelan dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan statistik juga perlu diberikan penekanan. Penggunaan piawaian antarabangsa memudahkan perkongsian dan perbandingan amalan terbaik di Jabatan dengan agensi statistik nasional negara lain. Saya dimaklumkan bahawa Jabatan Perangkaan sedang **membangunkan gudang data iaitu *Statistics Data Warehouse* (StatsDW)**. StatsDW merupakan satu gudang data yang bertujuan untuk menyatukan atau *consolidate* kesemua data yang dikeluarkan oleh Jabatan, sama ada data terkini mahu pun data lampau, di dalam satu repositori data berpusat. Selain daripada itu, sebagai nilai tambah, StatsDW ini juga akan menyediakan fasiliti untuk pengguna data mendapatkan data dengan lebih cepat dan mudah. Pembangunan StatsDW ini membolehkan pengurusan dan pengarkiban data menjadi lebih sistematik dan efisien serta meningkatkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan, sama ada di peringkat nasional mahu pun antarabangsa.

16. Saya berharap seluruh warga Jabatan yang ada bersama saya pada pagi yang mulia ini dapat menghayati dan memahami hasrat dan kehendak kerajaan terhadap anggota Perkhidmatan Awam agar dapat menyampaikan Perkhidmatan yang memenuhi ekspektasi rakyat. Saya yakin dengan kepimpinan YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia dalam menerajui Jabatan ini, setiap perancangan dan pelan yang dirangka akan dapat direalisasikan dengan cemerlang.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

17. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia atas peranan pentingnya sebagai Penjana Statistik Negara. Statistik rasmi yang dijana oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan input penting kepada pihak kerajaan dalam merencana polisi pembangunan Negara, antaranya Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Mei 2015 nanti. Saya mendoakan agar Jabatan Perangkaan Malaysia dapat terus cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kepada semua pengguna data. Saya juga amat berharap agar Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020 dapat mencapai matlamatnya.

18. Akhir kata dari saya, semoga Allah S.W.T merestui segala usaha murni dan pengorbanan kita dalam membangunkan Negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.